

BORANG PENYERTAAN

1. Nama Penuh:

.....

2. No. Kad Pengenalan:

.....

3. Alamat:

.....

.....

.....

.....

4. No. Telefon:

.....

5. E-mel:

6. Nama Produksi:

.....

7. Judul Video:

.....

.....

Perakuan Peserta

Dengan ini diakui bahawa segala maklumat yang diberi adalah benar dan saya berjanji akan mematuhi syarat yang ditetapkan dan keputusan muktamad pihak hakim.

(Tarikh)

(Tandatangan)

Nama:

No. Kad Pengenalan:

*Sila kembalikan Borang Penyertaan ini bersama-sama salinan lembut (*softcopy*) video yang akan digunakan dalam pertandingan ke e-mel ulasanmakanansarawak@gmail.com.

* Borang penyertaan, borang izin terbit dan video hendaklah dihantar **PADA ATAU SEBELUM 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**.



UNIT PENGEMBANGAN BAHASA DAN SASTERA,
Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak

BORANG PENYERTAAN

Pertandingan Video Pendek

ULASAN MAKANAN SARAWAK

bersempena dengan
Dekad Bahasa Kebangsaan 2020
Peringkat Negeri Sarawak



SYARAT DAN KETERANGAN

KETERANGAN UMUM

Pertandingan Video Pendek "Ulakan Makanan Sarawak" buat julung kalinya diadakan pada tahun ini sebagai salah satu projek bersempena dengan Dekad Bahasa Kebangsaan 2020 Peringkat Negeri Sarawak.

Tujuan pertandingan ini diadakan bagi memberi ruang kepada masyarakat untuk menyerlahkan jati diri dan citra bangsa Malaysia menerusi bahasa kebangsaan selaras dengan objektif program dekad bahasa kebangsaan.

OBJEKTIF

- Memberikan ruang dan pendedahan kepada masyarakat tentang budaya dan makanan masyarakat di Sarawak.
- Mendekatkan dan memupuk minat dan kecintaan masyarakat terhadap bahasa kebangsaan.
- Mencungkil bakat-bakat baharu dan kepakaran dalam bidang penerbitan video dengan menggunakan bahasa kebangsaan.

PENYERTAAN

Terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 17 tahun ke atas.

SYARAT DAN KAEDAH

- Rakaman video hendaklah menggunakan bahasa kebangsaan.
- Rakaman video mestilah mempunyai sari kata dalam bahasa kebangsaan.
- Rakaman video hendaklah berdurasi minimum 4 minit dan maksimum 5 minit sahaja.
- Peserta perlu memuat naik video penyertaan ke laman Facebook dengan menggunakan tanda pagar seperti berikut:
[#DBPMalaysia](#)
[#Pertandinganvideopendekulasanmakanansarawak](#)
- Peserta perlu memastikan akaun dalam tetapan umum.

- Video Pilihan Ramai akan dinilai melalui jumlah tanda "suka" terbanyak.
- Rakaman video hendaklah jelas dari segi audio dan visual.
- Penyertaan yang tidak mempunyai audio dan visual yang jelas akan terbatal secara automatik.
- Isu-isu sensitif adalah dilarang sama sekali.
- Rakaman video mestilah mempunyai jalan penceritaan yang menarik dan jelas.
- Peserta dibenarkan untuk menggunakan teknik seperti animasi dan layar skrin hijau.
- Rakaman video mestilah asli dan tidak pernah disiarkan/diterbit/didaftarkan oleh mana-mana jabatan atau syarikat.
- Setiap individu/kumpulan boleh menghantar satu penyertaan sahaja di bawah satu nama yang didaftarkan.
- Setiap video yang dihantar secara automatik akan menjadi hak milik DBP.
- Kos penggambaran adalah tanggungan peserta sendiri.
- Isi kandungan video hendaklah mengandungi ulasan makanan yang dapat dikaitkan dengan budaya masyarakat di Sarawak.

FORMAT

Peserta dibenarkan membuat rakaman melalui telefon mudah alih dengan tetapan format **resolusi (1920x1080p @ 30fps)** dan video hendaklah **dirakam secara melintang (landskap)**.

Video hendaklah menggunakan tetapan **format MP4/AVI** dan tetapan gambar **skrin bersaiz 16:9**.

PEMARKAHAN

| | |
|---------------------------------|------------|
| Bahasa | 30% |
| Isi Kandungan | 25% |
| Idea dan Kreativiti | 15% |
| Sinematografi | 15% |
| Penceritaan yang Menarik | 15% |

Keputusan panel penilai adalah **MUKTAMAD**.

HADIAH

| |
|---|
| Tempat Pertama RM1 500.00 |
| Tempat Kedua RM1 000.00 |
| Tempat Ketiga RM800.00 |
| Sagu Hati RM200.00 x 10 |
| Kategori Sinematografi Terbaik RM300.00 |
| Video Pilihan Ramai RM300.00 |

ALAMAT URUS SETIA

Urus Setia,
Pertandingan Video Pendek
Ulakan Makanan Sarawak,
Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak,
Jalan Tun Datuk Patinggi Abdul Rahman Yaakub,
Petra Jaya,
93050 KUCHING, SARAWAK.

(u.p.: Cik Natassya Omar)

No. Tel : 082-227000/017-3013869

Faks : 082-227077

E-mel : ulasanmakanansarawak@gmail.com